



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI
BLOK 4803 SUITE 0-2 BANGUNAN CBD PERDANA
OFF PERSIARAN MULTIMEDIA
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8317 9000/1 (Talian Umum)
Faks : 03-8317 9119 (Pentadbiran)
03- 8317 9118
Portal : [http:// apps.emoe.gov.my/ bppk](http://apps.emoe.gov.my/bppk)

SURAT CONTOH

Ruj. Kami : KP(BBPK) SULIT112/ 13 Jld. 1 (31)
Tarikh : 27 Rejab 1430H
20 Julai 2009

SULIT

En. Zulkifli bin Darus
Jabatan Pelajaran Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01000 Kangar
Perlis

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PANEL TEMUDUGA UJIAN KHAS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) BAGI ANGGOTA SOKONGAN GRED 1- 16 DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2009

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/ Dato' / tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan telah dipilih sebagai Panel Temuduga Ujian Khas Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) seperti pada tarikh, masa dan tempat yang berikut:

Tarikh: 03 Ogos 2009 (Isnin)
Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
Tempat: Balai Sidang Bestari, Jabatan Pelajaran Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS

3. Sehubungan dengan itu, satu sesi taklimat khas mengenai pengendalian urusan temuduga Ujian Khas Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) akan diadakan seperti berikut:

Tarikh: 27 Julai 2009 (Isnin)
Masa : 09.00 pagi – 12.30 tgh hari
Tempat: Balai Sidang Sarjana, Jabatan Pelajaran Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS

4. Tuan diminta melengkapkan borang pengesahan penerimaan pelantikan dan kehadiran seperti di **Lampiran A** dan mengemback borang tersebut dengan **kadar segera** sebelum **25 Julai 2009** di talian faks **04 - 4405510** atau menghubungi **Puan Norazah Bt Jaapar** di talian **04 – 4405512**.

5. Tuan juga layak untuk membuat tuntutan kadar bayaran saguhati pelaksanaan PTK mengikut peruntukan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2004 (Perkara 4 - Urusan Peperiksaan). Sila kemukakan satu salinan surat lantikan, borang pengesahan penerimaan pelantikan dan kehadiran, borang penyata tuntutan bayaran saguhati panel temuduga dan satu salinan buku akaun bank tuan kepada penyelarar temuduga Ujian Khas PTK di JPN/ PPD bagi tujuan tersebut.

Di atas segala kerjasama Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ tuan/ puan berikan di dalam hal ini adalah sangat – sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH BAHASA KITA”

Saya yang menurut perintah,

(JOANNA ZAHRA AUGUSTINE LIOM)
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
Tel : 03 – 8317 9063/
Faks : 03 – 8317 9090

s.k: Fail

Unit Penilaian Kompetensi
Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan
Jabatan Pelajaran Perlis
(u.p: Puan Norazah Bt Jaapar)

☎: 03-440 5510/ e-mail: norazah.jaapar@moe.gov.my

Mohon faks/e-mail sebelum 24.07.2009 (Jumaat)

**Borang Pengesahan Penerimaan Pelantikan dan Kehadiran Sebagai Panel Temuduga Ujian Khas PTK Bagi
Anggota Sokongan Gred 1- 16 Kementerian Pelajaran Malaysia Tahun 2009**

Tarikh : 03 Ogos 2009 (Isnin)

Masa : 09.00 pagi hingga 05.00 petang

**Tempat : Balai Sidang Sarjana, Jabatan Pelajaran Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS**

Adalah dengan ini, saya selaku yang berkenaan mengesahkan bahawa saya menerima / tidak menerima pelantikan sebagai panel temuduga Ujian Khas PTK Tahun 2009 dan akan hadir/tidak hadir ke sesi penilaian temuduga seperti yang dinyatakan di atas.

Tandatangan : _____

Nama & Cop Jabatan : _____

: _____

Tarikh : _____

PENGESAHAN KETUA JABATAN:

Tandatangan : _____

Nama & Cop Jabatan : _____

: _____

Tarikh : _____